



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**TEKS UCAPAN  
KETUA SETIAUSAHA**

**SEMPENA**

**MAJLIS AMANAT  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN  
BERSAMA WARGA  
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

**9 OKTOBER 2023**

**9.00 PAGI**

**DEWAN SERBAGUNA  
ARAS 1, BLOK F9  
KOMPLEKS F, PRESINT 1,  
62050 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera,  
Salam Perpaduan  
dan  
Salam Malaysia Madani

Terima kasih saudara pengacara majlis.  
*(salutasi)*

YBrs. Mohamad Sobri Bin Mat Daud  
Timbalan Ketua Setiausaha KPN

YBhg. Dato' Hj. Che Roslan bin Che Daud  
Ketua Pengarah JPNIN

YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim  
Ketua Pengarah JMM

YBhg. Dato' Jaafar Sidek bin Hj. Abdul Rahman  
Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia

YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab  
Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia

YBrs. Puan Norihan binti Mohamed Naim  
Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) KPN

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Perpaduan Negara dan Agensi,  
Hadirin Hadirat yang dihormati dan dikasihi sekalian.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran atas izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berhimpun pada hari ini dalam **Majlis Amanat Ketua Setiausaha Kementerian bersama warga Kementerian Perpaduan Negara.**
2. Izinkan saya menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir pada majlis amanat ini sama ada secara fizikal atau secara atas talian.

Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian,

3. Sebagaimana YBhg. Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, matlamat utama falsafah MADANI adalah untuk mewujudkan sebuah masyarakat maju, terampil dan terangkum yang akhirnya membentuk satu negara Malaysia yang mampan, sejahtera, berdaya cipta, saling menghormati dan bersikap ihsan di antara satu sama lain.
4. Kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui konsep 'Perpaduan Dalam Kepelbagaian' yang merupakan idea dari Yang Berhormat Menteri Perpaduan telah dibentuk berdasarkan Buku Membangun Negara MADANI: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi dan Dasar Perpaduan Negara (DPN) serta dokumen-dokumen lain yang berkaitan di bawah KPN.
5. YAB Perdana Menteri sangat menekankan perkara berkaitan **tatakelola** dan **amalan rasuah** dalam kalangan penjawat awam. Selaras dengan perkara tersebut, satu Jawatankuasa Kabinet

Tatakelola Nasional (JKKTN) telah ditubuhkan bagi menangani isu-isu kelemahan tatakelola yang menyebabkan ketirisan wang Kerajaan, pembaziran dan risiko rasuah, penyelewengan serta salah guna kuasa.

6. Maka besarlah harapan saya agar seluruh warga Kementerian dan juga agensi dapat mematuhi peraturan dan dasar semasa yang telah ditetapkan.

**Hala tuju perkhidmatan awam melalui Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam 2024-2030**

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

7. Di dalam Majlis Aspirasi Kepimpinan yang diadakan pada 10 September 2024, Tan Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN) telah memperkenal Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam 2024-2030 melalui konsep nilai **MALAYSIA** iaitu – **Mesra, Adil, Luhur, Amanah, Yakin, Setia, Islah, Arif.**
8. Melalui konsep ini, Kerajaan akan menggunakan pendekatan *Associated and Integrated Strategy* dalam usaha merealisasikan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam.
9. *Associated* menekankan konsep *whole-of-nation* meliputi kerjasama seluruh negara yang melibatkan sektor swasta.
10. *Integrated* pula merupakan konsep *whole-of-government* meliputi keseluruhan jentera Kerajaan yang membabitkan integrasi antara kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan.

11. Justeru, saya menyeru kepada semua warga Kementerian agar segala perancangan yang dilaksanakan samada di peringkat Kementerian mahupun Jabatan hendaklah menggunakan konsep *Associated* dan *Integrated* ini.
12. Dalam usaha memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia, kita harus lebih banyak melaksanakan program-program yang mengandungi elemen-elemen perpaduan bersama-sama dengan pihak-pihak swasta, NGO dan komuniti setempat.
13. Kerjasama erat dengan semua pihak adalah sangat penting bagi memastikan mesej-mesej berkaitan perpaduan khususnya Rukun Negara dapat dizahirkan dan seterusnya dihayati serta diamalkan oleh seluruh rakyat Malaysia.

### **Pembudayaan Amalan Patriotisme dan Taat Setia Penjawat Awam**

*Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,*

14. Kementerian Perpaduan Negara telah dipertanggungjawabkan untuk mengeluarkan Pekeliling tentang Pembudayaan Amalan Patriotisme Penjawat Awam.
15. Antara langkah awal yang telah diambil oleh Kementerian ini adalah dengan mengeluarkan garis panduan berhubung arahan nyanyian Lagu Negaraku dan lafaz penuh Ikrar Rukun Negara di premis-premis Kerajaan.
16. **Patriotisme dan taat setia** kepada negara merupakan nilai yang seharusnya ada pada setiap penjawat awam dalam melaksanakan tanggungjawab untuk memajukan negara dengan penuh dedikasi

dan integriti agar perkhidmatan kepada rakyat dapat disampaikan dengan cekap dan berkesan.

17. Dalam hal ini, Bengkel Pembangunan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA): Pembudayaan Amalan Patriotisme dan Taat Setia Penjawat Awam telah diadakan pada 2 Oktober 2024 yang melibatkan penyertaan pelbagai Kementerian dan Agensi.
18. Diharapkan hasil dari bengkel tersebut dapat memberi nilai tambah di dalam memperkasakan Pembudayaan Amalan Patriotisme dan Taat Setia dalam kalangan Penjawat Awam melalui pekeliling yang akan dikeluarkan kelak.

### **Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)**

*Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,*

19. Seperti yang semua sedia maklum, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) sewaktu Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-19 pada 16 Ogos 2024 yang lalu.
20. Menerusi SSPA, motivasi, prestasi dan produktiviti dipacu dengan pemantapan pembudayaan amalan nilai-nilai teras perkhidmatan awam yang ditetapkan iaitu amanah, benar, bijaksana, adil, telus dan bersyukur.
21. Hasrat Kerajaan menerusi SSPA ini adalah untuk menyediakan satu perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi yang peka terhadap keperluan negara dan rakyat.

22. Dalam usaha meningkatkan keberkesanan dan kualiti perkhidmatan awam, Konsep 5P iaitu ***People, Process, Purpose, Performance dan Progressive*** perlulah dijadikan panduan dan diterapkan ke dalam gerak kerja sehari-hari penjawat awam.
23. *People* merujuk kepada penjawat awam sebagai aset utama dalam organisasi. *Process* merujuk kepada cara dan langkah-langkah yang diambil untuk menyediakan perkhidmatan. *Purpose* merujuk kepada tujuan yang jelas dan fokus dalam perkhidmatan awam. *Performance* merujuk kepada keberkesanan dan kecekapan dalam melaksanakan tugas manakala *Progressive* merujuk kepada sikap untuk sentiasa beradaptasi dan berkembang terutamanya dalam menghadapi perubahan dan cabaran baharu.
24. Dengan memberi perhatian kepada setiap aspek ini, organisasi dapat memastikan perkhidmatan yang lebih baik, responsif dan berkualiti untuk rakyat. Dalam dunia yang sentiasa berubah, penerapan prinsip-prinsip ini akan membantu perkhidmatan awam kekal relevan dan berkesan.
25. Selain daripada Konsep 5P ini, **Konsep 3S** iaitu ***Speed (Kecepatan), Simplified (Memudahcara) dan Satisfied (Kepuasan)*** juga penting dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan awam. Dengan mempercepat proses, memudahcara prosedur dan memastikan kepuasan rakyat, perkhidmatan awam dapat berfungsi dengan lebih baik sekaligus memenuhi jangkaan pemegang taruh dan juga masyarakat.

## **Hala Tuju Baharu Kementerian Perpaduan Negara**

*Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,*

26. Pada awal tahun ini, YB Menteri Perpaduan telah mengetengahkan konsep '**Harmoni dalam Kepelbagaian**' bagi pelaksanaan Inisiatif Harmoni MADANI. Konsep yang diterapkan di dalam inisiatif ini adalah berkaitan dengan prinsip asas integrasi nasional iaitu **Faham, Hormat dan Terima** dalam kalangan rakyat Malaysia berbilang kaum, agama dan budaya. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai agen perpaduan untuk menghayati dan menyebarluas konsep ini ke dalam diri kita, keluarga dan masyarakat.
27. Perubahan pucuk pimpinan di Kementerian ini tidak bermaksud semuanya akan berubah dengan drastik. Adalah menjadi hasrat saya untuk meneruskan kesinambungan pelaksanaan program-program yang telah dirancang sepanjang tahun 2024 ini.

## **Kecemerlangan Organisasi**

28. Program-program seperti **RT Progresif** yang memfokus kepada **Pelan Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif** dengan lapan (8) bidang tumpuan baharu iaitu keselamatan dan ketahanan komuniti, pendidikan sepanjang hayat, ekonomi dan sara hidup, daya cipta, alam sekitar, kepimpinan, kesejahteraan komuniti serta warisan dan budaya akan terus diperkasakan.
29. Selain dari itu, penyelesaian isu-isu perpaduan melalui **Mediator Komuniti (MK)** hendaklah terus dipergiatkan bagi memastikan

keharmonian dan kesejahteraan komuniti setempat akan terus terpelihara.

30. Ke arah Perkhidmatan Kerajaan yang lebih efisien dan menyokong pendigitalan, maka KPN akan menggiatkan usaha menerusi **Inisiatif Pendigitalan Khazanah Warisan Negara** yang melibatkan tiga (3) aspek utama reformasi perkhidmatan iaitu pengekplorasian khazanah warisan negara secara digital, menaiktaraf infrastruktur ICT ke arah pemantapan proses pendigitalan dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran sumber manusia yang berkaitan dengan perkhidmatan muzium maya, arkib maya dan perpustakaan pintar.
31. Kementerian juga turut mengetengahkan konsep '**Perpaduan Dalam Kepelbagaian**' ke peringkat antarabangsa. Usaha pengantarabangsaan ini menunjukkan bahawa kita sudah bersedia untuk mengangkat agenda perpaduan negara ke pentas global.

### **Penjawat Awam Sebagai ‘The Custodian of People’s Hope’**

*Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian,*

32. Sebagai penjawat awam, kita adalah pemimpin dan memegang amanah yang sangat besar. Kita bertanggungjawab sepenuhnya atas kedua-duanya samada menjadikannya sebagai amalan yang membawa faedah atau perbuatan yang membawa kerosakan.
33. Kita bukan sekadar bekerja untuk memenuhi tuntutan kerja, tetapi kita adalah “**The Custodian of People’s Hope**” Rakyat mengharapkan kita untuk memberikan perkhidmatan terbaik,

untuk menyelesaikan masalah mereka dan untuk mencorak masa depan negara yang lebih cerah. Oleh itu, kita mesti menjalankan tanggungjawab kita dengan penuh dedikasi, integriti, telus dan berhemah.

34. Di sini saya juga ingin membawa satu persoalan yang mungkin sering kali terlepas pandang dalam kehidupan dan kerja kita seharian. Adakah kita masih melakukan perkara yang sama tetapi mengharapkan hasil yang berbeza? Persoalan ini mengajak kita semua untuk bermuhasabah diri. Sebagai penjawat awam, kita sering terjebak dalam zon selesa, melakukan perkara yang sama berulang kali tanpa berani mencuba sesuatu yang baharu. Namun, jika kita benar-benar mahu melihat perubahan yang positif, kita harus berani untuk keluar daripada zon selesa tersebut.
35. Kita tidak boleh mengharapkan hasil yang berbeza jika kita masih berpegang pada cara yang lama. Untuk mencipta masa depan yang lebih baik, kita perlu melakukan perubahan hari ini. Hari esok yang lebih baik hanya akan datang apabila kita berani mencabar diri dan memikirkan langkah-langkah baharu yang lebih inovatif, efisien dan relevan dengan cabaran semasa.

## PENUTUP

36. Sebelum saya akhiri ucapan saya ini, izinkan saya memetik sabda Nabi Muhammad SAW iaitu “Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi manusia lainnya.” (HR Ahmad, ath-Thabrani, ad-Daruqutni)

37. Marilah kita sama-sama menghayati maksud Hadith Nabi SAW ini kerana sebagai penjawat awam, kita mempunyai peluang untuk memberi manfaat kepada orang lain melalui kerja dan tugas yang telah diamanahkan.

*Tanam padi luas terbentang,  
Wangi harum haba rerumputan;  
Mari julang bangsa terbilang,  
Perpaduan kaum kita eratkan.*

Sekian,

Wabillahitaufik      Walhidayah      Wassalamualaikum      Warahmatullahi  
Wabarakatuh.